

**UMNO Pulau Pinang tidak dalangi demonstrasi
Utusan Online
19 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 18 Mei - Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Osman menafikan sebarang bentuk penglibatan parti itu dalam mana-mana demonstrasi yang boleh menggugat ketenteraman dan keselamatan awam di negeri tersebut, tahun lalu.

Menurut beliau, jika benar perarakan di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) dan Jambatan Pulau Pinang pada 1 Julai tahun lalu, dijanakan oleh ahli UMNO Pulau Pinang, sudah tentu beliau sebagai Pengerusi UMNO negeri itu akan berada di barisan hadapan.

Katanya, beliau tidak perlu bersikap 'baling batu sembunyi tangan' dalam perkara tersebut kerana ia tidak tepat dan menyimpang sama sekali.

Sebaliknya, kehadiran mana-mana ahli UMNO negeri itu dalam perarakan tersebut, menurut Zainal Abidin, 52, tidak boleh dijadikan kayu ukur penglibatannya.

Beliau berkata demikian ketika memberikan keterangan di Mahkamah Tinggi di sini sebagai saksi plaintif pertama dalam kes saman RM30 juta oleh beliau terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dan empat yang lain atas dakwaan memfitnah.

Saman itu dikemukakan atas kapasiti Zainal Abidin selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang.

Selain Guan Eng yang juga Setiausaha DAP, turut dinamakan sebagai defendan ialah Parti Keadilan Rakyat (PKR) selaku pemilik portal berita, *Keadilan Daily* dan akhbar *Suara Keadilan*; Segmen Fleksibel Sdn. Bhd., yang merupakan syarikat penerbitan *Keadilan Daily* dan *Suara Keadilan*; serta Ketua Penyuntingnya, Fazallah Pit.

Guan Eng diwakili oleh peguam Jagdeep Singh Deo dan Sangeet Kaur manakala defendan lain diwakili oleh peguam Latheefa Koya dan Mohd. Afiq Mohd. Noor.

Zainal Abidin dalam pernyataan tuntutan menyatakan, pada 3 Julai tahun lalu, Guan Eng telah menerbitkan suatu kenyataan akhbar melalui e-mel yang kemudiannya disiarkan di *Keadilan Daily* di Internet pada 3 Julai 2011 dan di akhbar *Suara Keadilan* pada 5 Julai tahun yang sama.

Zainal Abidin berkata, kenyataan Guan Eng itu antara lain membawa maksud kononnya beliau terlibat dalam kegiatan mengguling Ketua Menteri Pulau Pinang melalui cara yang salah serta menyembunyikan penglibatan beliau dalam satu demonstrasi ganas yang berlaku di Komtar dan Jambatan Pulau Pinang pada 1 Julai tahun lalu.

Beliau berkata, pada 18 Ogos 2011, Guan Eng telah mengeluarkan satu lagi kenyataan menyinggung di hadapan sekumpulan wartawan yang telah disiarkan di portal berita di Internet, *The Malaysian Insider*, pada hari yang sama.

Katanya, antara lain kenyataan itu membawa maksud kononnya beliau telah merancang untuk mensabotaj premis parti DAP di Pulau Pinang dan terlibat dalam mencetuskan cubaan membakar premis itu.

Akibat kenyataan itu, ujanya, ia telah merosakkan reputasi beliau dan menjejaskan kepercayaan parti induk terhadapnya.

Sehubungan itu, Zainal Abidin menyifatkan artikel yang disiarkan dalam akhbar *Keadilan Daily* dan *Suara Keadilan* telah memfitnah plaintif.

Zainal Abidin yang juga Penasihat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu diwakili oleh peguam Datuk Jahaberdeen Mohamed Yunoos.

Perbicaraan di hadapan Hakim Amelia Tee Hong Geok Abdullah bersambung Isnin ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0519&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_10.htm